

## **SUKATAN PUSAT PENILAIAN KHAS (PPKhas) OPERATOR KOMPUTER GRED F17**

### **1. MATLAMAT**

Menilai kompetensi pegawai dari aspek pengetahuan dan kefahaman dalam melaksanakan tugas yang sesuai dengan gred jawatan yang disandang.

### **2. TUJUAN**

Menguji kebolehan dan kecekapan pegawai sebagai syarat bagi dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi.

### **3. PEGAWAI YANG LAYAK**

3.1 Pegawai yang masih belum lulus PTK yang ditetapkan di gred lantikan dan akan bersara wajib dalam tempoh 2 tahun serta telah memenuhi syarat berkhidmat 15 tahun dalam skim perkhidmatan berkenaan.

3.2 Pegawai yang masih belum lulus PTK yang ditetapkan di gred lantikan yang dapat menggenapkan tempoh berkhidmat 15 tahun dalam skim perkhidmatan semasa pada tarikh persaraan wajib, juga boleh dipertimbangkan.

### **4. KOMPETENSI PERKHIDMATAN**

Kompetensi perkhidmatan ialah keperluan kemahiran untuk melaksanakan tugas bagi sesuatu gred jawatan. Kompetensi perkhidmatan Operator Komputer Gred F17 adalah seperti berikut:

4.1 Berkebolehan dan berpengetahuan dalam:

- i. menggunakan komputer;
- ii. membaca arahan – arahan komputer;
- iii. teknik pengoperasian / pelaksanaan sistem aplikasi;
- iv. bekerja dalam pasukan; dan
- v. mengurus diri dan masa.

4.2 Keutuhan serta kemantapan nilai-nilai etika.

## **5. JENIS KOMPETENSI**

Jenis kompetensi terbahagi kepada dua (2) iaitu Komponen Generik dan Komponen Fungsional.

### **5.1 Komponen Generik**

#### **5.1.1 Perkhidmatan**

- Lantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan.
- Elaun-elaun dalam Perkhidmatan.
- Cuti.
- Rumah dan Bangunan Pejabat.
- Perubatan.
- Waktu Bekerja dan Lebih Masa.
- Kelakuan dan Tatatertib.

#### **5.1.2 Pengurusan dan Pentadbiran Organisasi**

- Pekeliling Kemajuan Pertadbiran Awam.
- Arahan Keselamatan.
- Panduan Pengurusan Pejabat.

#### **5.1.3 Keutuhan Peribadi**

- Nilai-nilai Utama dalam Perkhidmatan Awam.
- Tonggak Dua Belas.
- Pelan Integriti Nasional.

#### **5.1.4 Kewangan**

- Inventori dan Pengurusan Harta Modal.

## 5.2 Komponen Fungsional

### 5.2.1 Pengetahuan Komputer

- Peranti Output (pencetak pengimbas).
- Input (*U/O, memory, CPU, files*).
- Storan.
- Sistem Rangkaian.
- Perisian (bahasa-bahasa pemrograman, sistem aplikasi dan perisian sokongan).

### 5.2.2 Pelaksanaan Aplikasi

- *System Reboot.*
- *Log File/ Message/ Command Prompt.*
- *Back-up Procedure.*

### 5.2.3 Perisian Asas

- Sistem Pengoperasian.**
- Desktop Productivity Tools.***
  - *Presentation Tools.*
  - *Wordprocessors.*
  - *Spreadsheet.*
  - Pelayar Laman Sesawang dan E-mel.

### 5.2.4 Aktiviti Operasi Sistem

- Telecommunications and Networking.***
  - Perkakasan (*modem, router, switches, hub*).
- Amalan Keselamatan.**
  - Keselamatan Data.
  - Keselamatan Bilik Komputer dan Bilik Server.

- Penjagaan Perkakasan dan Perisian.

## **6. AKTIVITI PENILAIAN**

### **6.1 Komponen Generik**

#### **6.1.1 Perbincangan Kes (100%)**

- Penilaian dibuat ke atas tahap pengetahuan individu dan kumpulan dalam membincangkan isu atau kes.
- Tempoh perbincangan kes dilakukan selama 60 minit.
- Setiap kumpulan terdiri daripada 5 hingga 10 orang calon.

### **6.2 Komponen Fungsional**

#### **6.2.1 Pembentangan Hasil Kerja (100%)**

- Pembentangan hasil kerja secara individu berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) pegawai.
- Dua (2) salinan SKT perlu disahkan oleh penyelia terlebih dahulu dan diserahkan kepada panel penilai pada hari penilaian.
- Tempoh masa pembentangan 10 hingga 15 minit.
- Sesi soal jawab lima (5) hingga 10 minit.
- Pembentangan secara lisan dalam Bahasa Melayu.
- Persembahan adalah mengikut kreativiti calon.

## **7. TEMPOH PENILAIAN**

Komponen Generik dan Komponen Fungsional: 1 hari

## **8. TAHAP KESUKARAN PENILAIAN**

Pengetahuan dan Kefahaman.

## 9. PENETAPAN KEPUTUSAN

Keputusan Pusat Penilaian Khas yang boleh dipertimbangkan adalah tidak lebih daripada **Aras III**.

Penentuan keputusan komponen generik dan fungsional ialah mengikut gred seperti di Jadual 1. Penentuan tahap keputusan PTK ialah mengikut Aras berdasarkan kombinasi pencapaian komponen generik dan fungsional seperti di Jadual 2.

Jadual 1: Gred Keputusan Komponen Penilaian Tahap Kecekapan

Gred Keputusan	Penjelasan
B	Baik
C	Memuaskan
D	Sederhana

Jadual 2: Tahap Keputusan Penilaian Tahap Kecekapan

Tahap Keputusan	Penjelasan
Aras III	Lulus / Melepassi Tahap Kompetensi
Aras II	Lulus Bersyarat
Aras I	Tidak Melepassi Tahap Kompetensi

## 10. PENILAI / PEMERIKSA

Dilantik oleh Pengerusi PTK, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

## 11. PERMOHONAN

Dikemukakan kepada Urus setia PTK, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

## 12. PUSAT PENILAIAN

Ditetapkan oleh Urus setia PTK, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

### **13. TARIKH AKHIR PERMOHONAN**

Enam (6) minggu sebelum tarikh penilaian.

### **14. SENARAI BAHAN RUJUKAN**

#### **14.1 KOMPONEN GENERIK**

- i. Tonggak Dua Belas. INTAN.
- ii. Citra Karya (Falsafah, Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam). INTAN.
- iii. Pelan Integriti Nasional.
- iv. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005.
- v. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- vi. Perintah Am Bab B, C, E, F dan G.
- vii. Panduan Pengurusan Pejabat.
- viii. Arahan Perbendaharaan.
- ix. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/07. Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.
- x. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.
- xi. Arahan Keselamatan.
- xii. PKPA Bil. 6/91, Panduan Mengenai Peningkatan Produktiviti Dalam Perkhidmatan Awam.
- xiii. PKPA Bil. 8/91, Panduan Mengenai Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.
- xiv. PKPA Bil. 1/08, Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan.
- xv. Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) – 1 November 2009.

## 14.2 KOMPONEN FUNGSIONAL

### Keselamatan ICT

- i. MyMIS - *Malaysian Public Sector Management of ICT Security Handbook*. 2002. MAMPU.
- ii. Pekeliling Awam Bil. 3/00. Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan.
- iii. Pekeliling Awam Bil. 1/01. Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi ICT.
- iv. Surat Pekeliling Am Bil. 6/05. Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam: *The Malaysian Public Sector Information Security High Level Risk Assessment (HiLRA) Guide*.
- v. Surat Pekeliling Am Bil. 4/06. Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat (ICT) Sektor Awam.
- vi. Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 20 Oktober 2006. Langkah-langkah Untuk Memperkukuhkan Keselamatan Rangkaian Setempat Tanpa Wayar (*Wireless Local Area Network*) di Agensi-agensi Kerajaan.
- vii. Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 31 Januari 2007. Langkah-langkah Keselamatan Perlindungan untuk Larangan Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-lain Peralatan Komunikasi ICT Tanpa Kebenaran.

### Perisian

- i. *Operating System Concepts*. 2009. Abraham Silberschatz. John Wiley.

### Rangkaian

- i. Menguasai *Protocol TCP / IP dan Networking*. 2006. Abdul Latif Esa. Venton.

### **Lain-Lain**

- i. Arahan Teknologi Maklumat. 2007. MAMPU.
- ii. Pekeliling Awam Bil. 2/06. Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan.
- iii. PKPA Bil 1/03. Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet & Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan.
- iv. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 1 Jun 2007. Langkah-langkah Mengenai Penggunaan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan.
- v. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 23 November 2007. Langkah-Langkah Pemantapan Pelaksanaan Sistem Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan.